

Tidak boleh buat kenyataan akhbar

12/12/87
SEREMBAN, Jumaat — Ibu-ibu soko dan anak-anak Waris Luak Sungai Ujong daripada Cerak di Darat dan di Air mungkin tidak dibenarkan lagi membuat sebarang kenyataan akhbar berhubung soal perlantikan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10.

Sumber tertinggi adat berkata hari ini sebarang kenyataan akhbar mengenai perkara itu pada masa hadapan hanya boleh dikeluarkan oleh Datuk Shahbandar Shahari Haji Hassan dan Datuk Andika Mendelika Fadzil Nordin sahaja.

Difahamkan Datuk Shahbandar Shahari mengeluarkan arahan rasmi mengenai perkara itu dalam pertemuannya dengan

beberapa Datuk Ketua Adat Luak Sungai Ujong di Balai Datuk Shahbandar, Kampung Belangan dekat sini baru-baru ini.

"Pelbagai kenyataan akhbar dibuat oleh beberapa kumpulan anak Waris di Darat dan di Air menyentuh urusan perlantikan Datuk Kelana ke-10 sejak bermulanya krisis Undang Luak Sungai Ujong kira-kira empat tahun lalu.

"Datuk Shahbandar Shahari dikatakan bimbang kemungkinan sebahagian daripada kenyataan itu menimbulkan ketegangan di kalangan anak-anak Waris di Darat dan di Air Luak Sungai Ujong.

"Jika ini berlaku, sudah pasti ia akan menjejaskan usaha ke arah mencari jalan penyelesaian terhadap krisis perlantikan Datuk Kelana ke-10 di sam-

ping menimbulkan salah-faham di kalangan anak-anak Waris," kata sumber itu kepada Berita Harian di sini.

Datuk Shahbandar Shahari tidak dapat dihubungi untuk ulasan lanjut. Difahamkan beliau dijangka mengeluarkan satu kenyataan rasmi mengenai perkara itu esok.

Sementara itu, Datuk-Datuk Ketua Adat, termasuk Datuk Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong, dipercayai mencapai kata sepakat untuk menjayakan penubuhan 'Jemaah Tertinggi Adat' yang akan dipengerusikan oleh Datuk Shahbandar Shahari.

Mereka juga dikatakan berikrar untuk mencari segala ikhtiar ke arah memecahkan kebuntuan berhubung urusan mencari calon yang benar-be-

nar layak menyandang pesaka Datuk Kelana ke-10.

Sumber itu berkata penubuhan jemaah seumpama itu bukannya satu perkara baru dalam urusan pentadbiran adat di Luak Sungai Ujong terutama apabila berlakunya sesuatu krisis adat seperti isu perlantikan Datuk Kelana ke-10.

"Kali pertama sebuah jemaah seperti ini ditubuhkan ialah pada 1874 dan ini diikuti dengan penubuhan sebuah lagi jemaah pada 1887 untuk menyelesaikan krisis adat yang berlaku ketika itu.

"Penubuhannya juga tidak bercanggah dengan aturan adat dan pesaka Luak Sungai Ujong yang telah menjadi ikutan pengamal-pengamal adat sejak zaman-berzaman dahulu," tambah sumber itu.